

Gagal kemuka penyata GST, Dr. Vida didenda RM80,000

IPOH 15 Dis. - Jutawan kosmetik, Datuk Seri Dr. Hasmiza Othman didenda RM80,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini setelah mengaku bersalah atas 16 tuduhan gagal mengemukakan penyata cukai barang dan perkhidmatan (GST) berjumlah RM4.2 juta bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Julai lalu.

Hakim Murtazadi Amran menjatuhkan hukuman tersebut terhadap Hasmiza, 45, atau lebih popular dengan panggilan Dr. Vida selepas tertuduh menukar pengakuan kepada bersalah atas tuduhan berkenaan ketika kes disebut hari ini.

Mahkamah turut memerintahkan pengasas Vida Beauty Sdn. Bhd. itu dipenjara 96 bulan jika gagal membayar denda tersebut.

Bagaimanapun, Hasmiza kekal dengan pengakuan tidak bersalah bagi 16 lagi pertuduhan gagal membayar cukai berkenaan mengikut Seksyen 41(7) Akta GST 2014.

Mahkamah menetapkan 30 Disember ini untuk sebutan semula kes itu.

Hasmiza yang memakai jubah hitam dan tudung berbunga warna merah jambu dan oren dilihat hanya bersahaja sambil memandang beberapa kenalan yang duduk di galeri awam sebaik sahaja hukuman itu dijatuhkan kira-kira pukul 2 petang.

Mengikut 16 pertuduhan berkenaan, Hasmiza didakwa tidak mengemukakan penyata cukai yang berjumlah lebih RM4.2 juta sejak April 2015 sehingga Julai lalu di Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Bahagian GST, Wisma Kastam, Jalan Tun Abdul Razak di sini.

Kesemua pertuduhan itu dikemukakan oleh Timbalan-timbalan Pendakwa Raya, Datuk Raja Rozela Raja Toran dan Farah Ezlin Yusop Khan mengikut Seksyen 41(6) akta yang sama.

Seksyen 41(6) dan 41(7) akta tersebut masing-masing memperuntukkan hukuman denda sehingga RM50,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Farah Ezlin memohon hukuman yang setimpal

um 16/12
terhadap Hasmiza berikutan kesalahan yang dilakukannya serius dan boleh menimbulkan masalah kepada negara.

Bagaimanapun, peguam Syed Ahmad Syed Abbas yang mewakili Hasmiza memohon hukuman denda yang ringan terhadap anak guamnya yang turut berjanji untuk menyelesaikan masalah pembayaran GST tersebut dalam masa terdekat.

"Meskipun di *Gegar Vaganza*, Datuk Seri nampak *happy*, tapi sebenarnya beliau sangat-sangat tertekan dengan kes ini. Malah reputasi dan perniagaannya turut terjejas akibat kes ini," kata peguam itu.

Mahkamah sebelum ini membenarkan Hasmiza dibebaskan dengan jaminan RM1.76 juta bagi kesemua pertudu-

han dan pasport serta dokumen perjalanan miliknya perlu diserahkan kepada mahkamah sehingga prosiding perbicaraan selesai.

**HASMIZA
OTHMAN**
ketika hadir
di Mahkamah
Seksyen Ipoh,
semalam.

